



مناغني بجا الامينتل

MENANGANI GEJALA MENTAL

سمبوتن قراياءن هاري كفوتراءن

بكاهو دولي يعها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يقدقرونان

نكارابوني دار السلام لـ ٧٨~ تاهون



مناغني بجا الامينتل

MENANGANI GEJALA MENTAL

سمبوتن قراياءن هاري كفوتا من
كاوه دولي يمها مليا قادك سري بكندا سلطان دان يعذر توان
نكارابوني دارالسلام لـ ٧٨٠ تاهون

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti
Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam*

*Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.), Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.),
Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) (Malaysia), Knight Grand Cross (First Class) of The Most Illustrious Order
of Chula Chom Klao (Thailand), Member of the Royal Order of The Seraphim (Sweden),
The Bejewelled Grand Cordon of Renaissance (Jordan), Grand Cross of the Netherlands (Netherlands),
Bintang Mahaputera Adipurna (Republik Indonesia), Grand Order of Mugunghwa (Republik Korea),
The Order of Princess Olha, First Class (Ukraine),
Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.) (Johor), Darjat Kerabat Selangor Yang Utama (D.K.) (Selangor),
Darjah Kerabat Yang Utama (D.K.) (Kelantan), Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S.)*



TITAH PERUTUSAN

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN

SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MAJLIS PERASMIAN
DI MAJLIS ILMU 2023
SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN
BAGINDA YANG KE-77 TAHUN

PADA HARI KHAMIS
9 JAMADILAWAL 1445H / 23 NOVEMBER 2023

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya juga, dapatlah kita berkumpul di Majlis Ilmu yang penuh dengan keberkatan pada pagi yang berkebajikan ini.

Beta juga turut bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada tahun ini Majlis ilmu dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana sebelum pandemik COVID-19 melanda dunia.

Beta melihat Majlis Ilmu masih saja tetap relevan untuk diungkayahkan, kerana ia telah banyak menyumbang dan mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini.

Beta difahamkan, tema Majlis Ilmu tahun ini berbunyi "Munajat Senegara Dengan Taubat".

Tema ini sangat signifikan untuk terus dibincangkan berdasarkan ilmu itu adalah amat luas, tidak ada sempadan.

Memperkatakan tentang Munajat dan Taubat, bahawa munajat bererti berdoa dan berzikir, manakala taubat pula ialah memohon ampun kepada Allah dan menyesali segala perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak melakukannya lagi.

Sebagai manusia biasa, kita tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan dosa, sehingga perlu untuk sentiasa bertaubat. Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud: "Setiap anak Adam pasti melakukan kesalahan (dosa) dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan (dosa) itu ialah orang-orang yang sentiasa bertaubat". – Hadith riwayat at-Tirmizi.

Maka adalah menjadi kewajipan bagi siapa yang melakukan kesalahan dan dosa, untuk segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala tanpa bertangguh, kerana peluang yang ada hari ini belum tentu ada pada hari esok.

Taubat tidak hanya semata-mata dilihat sebagai perbuatan memohon keampunan, menyesali perbuatan dosa dan berazam untuk tidak mengulanginya lagi, bahkan taubat juga mengandungi banyak faedah yang sukar dicapai oleh akal manusia. Antaranya, dengan taubat, dosa terhapus, bala bencana dan musibah terangkat serta azab tertolak.

Dengan taubat juga, pintu rezeki dibuka dengan luas, rahmat dan nikmat turun secara berterusan, dan punca kejayaan dunia dan akhirat. Dengan taubat juga berupaya memberikan ketenangan dan kesihatan mental serta menjauhkan daripada perasaan dukacita. Semua ini adalah janji Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana termaktub di dalam al-Qur'an.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Beta bersyukur kerana kita terus menerus istiqamah dengan cara kita sendiri menghadapi apa juar cabaran dan musibah, iaitu dengan amalan SOP Ugama.

Inilah amalan dan tradisi kita orang-orang Brunei yang diwarisi sejak dahulu lagi, iaitu berupa memperbanyak bacaan Al-Qur'an seperti membaca surah Yaa siin, berzikir, berselawat, berdoa, melaksanakan sembahyang sunat Hajat dan membaca doa Qunut Nazilah, membaca Ratib al-'Attas dan mengadakan Malam Munajat secara berterusan sehingga sekarang.

Pada hemat Beta, semua ini adalah berunsur taubat kerana munajat itu sendiri adalah wasilah dan jalan menuju taubat.

Oleh itu, Beta berseru, supaya kita terus menerus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih berkat dan rahmatNya.

Beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Penganjur dan semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha yang berkebajikan ini. Amin.

Dengan lafaz Bismillaahir Rahmaanir Raheem, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidinaa Muhammad, Wa 'Alaa Aalihi Wasabihee Wasallam, Beta dengan sukacita melancarkan buku bertajuk "Majlis Ilmu: Mercu Tanda Intelektualisme Raja, Suluh Negara" dan seterusnya merasmikan Majlis Ilmu 2023 berserta semua acara di dalamnya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kandungan

Muka Surat

Sekapur Sirih	1
Huraian Tema Majlis Ilmu 2024	3
Aturcara-aturcara Majlis Ilmu 2024	13
Biodata Pembentang Kertas Perdana, Forum Perdana dan Ceramah Perdana	19
Sinopsis Pameran Majlis Ilmu 2024	29
Gambar-Gambar Ristaan Majlis Ilmu 2023	33
• Majlis Perasmian	
• Forum Perdana	
• Ceramah Perdana	
Keahlian Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024	57

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat mengungkayahkan Majlis Ilmu 2024 bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-78 Tahun.

Majlis Ilmu merupakan antara mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pemimpin Islam yang menitikberatkan kepentingan ilmu dan maklumat yang sangat bernilai dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ilmu 2024 ini diungkayahkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tema Majlis Ilmu 2024 memfokuskan kepada aspek kesihatan mental iaitu “Menangani Gejala Mental”. Pemilihan tema ini dinilai relevan kerana menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation - WHO*) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2022, hampir satu bilion penduduk dunia termasuk berjuta kanak-kanak dan golongan muda mengalami gangguan kesihatan mental. Di Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali yang mana menurut statistik Kementerian Kesihatan tahun 2023, kira-kira 11,000 orang dicatatkan menerima rawatan dalam perkhidmatan psikiatri dan perkhidmatan psikologi klinikal dan komuniti.

Tema ini menghuraikan tentang punca, pencegahan dan rawatan gejala mental serta pemulihan pesakit mental termasuk tatacara perubatan bersepada Islam dan sains yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan di Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan senegara (*whole-of-nation approach*).

Pencerahan dan penghuraian tema akan dibentangkan dan dijelaskan melalui Ceramah Khas, Forum Perdana, Ceramah Perdana dan Seminar Majlis Ilmu dengan mengundang pakar-pakar khusus dalam bidang masing-masing dari dalam dan luar negara.

Majlis Ilmu pada tahun ini dihasratkan dapat memberi gambaran sebenar peranan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat serta keprihatinan menghadapi dan menangani penyakit mental di negara ini melalui perubatan bersepada yang menggabungkan intervensi medikal iaitu rawatan Islam dan sains.

Akhirnya, pada kesempatan ini, saya mewakili Penasihat-Penasihat Bersama dan Pengerusi-Pengerusi Bersama sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan kerjasama, sumbangan tenaga dan buah fikiran ke arah menjayakan Majlis Ilmu 2024. Penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada penceramah khas, para penceramah, para panel undangan dan para pembentang yang berkesudian mengongsikan ilmu dan pengalaman masing-masing yang sangat bernilai lagi bermanfaat di Majlis ini.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran pahala dan rahmat yang berlipat ganda atas apa jua kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

**Yang Berhormat,
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II**

**Selaku
Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024
Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-78 Tahun**

*Huraian Tema
Majlis Ilmu 2024*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

TEMA MAJLIS ILMU 2024

Tajuk Tema:

“MENANGANI GEJALA MENTAL”

Aspek kesihatan seseorang secara menyeluruh tidak hanya tertumpu kepada kesihatan fizikal semata-mata tetapi juga merangkumi kesihatan mental. Kedua-dua aspek kesihatan sama ada kesihatan fizikal mahupun kesihatan mental adalah merupakan antara faktor terbesar yang mempengaruhi corak kehidupan seseorang.

Kesihatan mental adalah merujuk kepada keupayaan seseorang untuk berfikir, mengawal dan bertindak dalam menangani cabaran yang timbul dalam kehidupan seharian. Mental yang sihat mampu membantu keupayaan seseorang untuk menguruskan emosi, menjalani, menghargai dan menikmati kehidupan dengan cara yang positif, produktif dan seimbang.

Menurut ajaran agama Islam, kesihatan fizikal dan kesihatan mental merupakan salah satu anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya yang wajib disyukuri serta dijaga dan dipelihara oleh setiap individu.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam kitabnya as-Sunan, Rasulullah ﷺ telah mengajarkan umatnya untuk memohon kesihatan melalui sabdanya:

سَلُوا اللَّهَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ، فَإِنَّ أَحَدًا لَمْ يُعْطَ بَعْدَ الْيَقِينِ خَيْرًا مِنَ الْعَافِيَةِ

Maksudnya: “Mintalah keampunan dan kesihatan kepada Allah, kerana sesungguhnya salah seorang di kalangan kamu tidak diberikan setelah keyakinan (iman) sesuatu perkara yang lebih baik daripada kesihatan.”

Kesihatan mental juga merupakan satu keperluan asas yang perlu dijaga dan dipelihara dengan baik kerana ia merupakan asas kepada kesejahteraan seseorang individu untuk berinteraksi dengan orang lain, menyedari keupayaan diri, mampu mengendalikan tekanan serta cabaran yang timbul dalam kehidupan sehari-hari agar seseorang dapat menjalani kehidupan dengan baik. Individu yang mempunyai mental yang tidak sihat pula akan menyebabkan dirinya sukar bahkan gagal menangani cabaran hidup yang dihadapinya sehingga hidupnya sentiasa dilikungi kemurungan dan keresahan yang berpanjangan.

Penyakit mental pula merupakan gangguan yang melibatkan gangguan kepada emosi, tingkah laku dan pemikiran seseorang yang mengalaminya. Pada kebiasaannya gangguan-gangguan ini berpunca daripada masalah, musibah atau cabaran hidup yang tidak dapat ditangani atau dihadapi oleh penghidapnya dengan baik. Kesannya, gangguan ini akan bertambah parah jika ia tidak dapat ditangani dengan baik sehingga membawa kesan buruk kepada penghidapnya.

Dalam konteks agama Islam, penyakit mental juga dilihat sebagai masalah atau penyakit yang berkaitan dengan jiwa. Islam melihat kesihatan mental ini melibatkan jiwa yang memerlukan penjagaan kepada dua elemen penting iaitu roh dan jasad. Sebagai seorang Muslim yang bergelar hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita hendaklah meyakini bahawa setiap masalah, musibah dan cabaran hidup yang datang kesemuanya adalah merupakan ujian keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana firman-Nya dalam surah al-Ankabut, ayat 2:

﴿أَحَسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴾العنكبوت: ٢

Mafhumnya:

“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?”

Ibn Kathir dalam kitabnya, *Tafsir Ibn Kathir* menyatakan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menguji hamba-hamba-Nya yang beriman sesuai dengan keimanan yang dimiliki mereka. Perkara ini adalah bertepatan dengan janji Allah Subhanahu Wata'ala sendiri yang tidak akan menguji hamba-Nya melebihi kemampuan mereka seperti firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 286:

﴿٢٨٦﴾ الْبَقَرَةُ: ... لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Mafhumnya:

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.”

Di Negara Brunei Darussalam sendiri, ekoran dari ancaman wabak dan musibah yang silih berganti, khususnya pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia beberapa tahun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah menekankan mengenai amaran dari beberapa badan tertentu dan juga pakar-pakar tentang wujudnya kesan negatif kepada kesihatan mental dan fizikal. Titah baginda:

Di antara amaran itu, turut datang dari pihak Badan Dunia (PBB) yang menyebut bahawa: “Hampir satu billion penduduk dunia, termasuk berjuta kanak-kanak dan golongan muda mengalami gangguan kesihatan mental.”

Gangguan mental boleh berlaku kerana hati tidak tenang atau takut melampau, sehingga memungkinkan pengidapnya memerlukan beberapa jenis rawatan seperti kaunseling psikoterapi dan pengambilan ubat psikotropik daripada doktor-doktor pakar mental.¹

Dalam menghadapi dan menangani apa jua musibah, pendekatan Negara Brunei Darussalam tetap tidak berubah dengan cara bersabar, berusaha dan berikhtiar sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

¹Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya 'Aidil Adha Tahun 1442H/2022M, Sabtu, 9 Julai 2022.

Apapun yang berlaku, Brunei Darussalam tidak akan berpaling dari Allah. Apa jua situasi mendatang, semuanya itu akan kita hadapi dengan sabar dan dengan ikhtiar-ikhtiar biasa, lebih-lebih lagi dengan ikhtiar keugamaan.

Ini, baru satu ikhtiar biasa. Tetapi kita orang Islam ada ikhtiar khusus yang namanya ikhtiar keugamaan, yang sayugia jangan dilupa atau diabaikan, walaupun kiranya ikhtiar biasa telah atau sedang dilalui, tetapi ikhtiar khusus atau ikhtiar keugamaan ini diyakini lebih efektif untuk merawat gejala mental.

Mengapa kita meyakininya demikian itu? Kerana ikhtiar keugamaan itu adalah datangnya daripada Allah sendiri sebagai ‘petunjuk’. Sesungguhnya petunjuk Allah itu, semuanya adalah lurus dan benar belaka.

Adapun petunjuk untuk merawat gejala mental itu, kita boleh temui di dalam surah Ar-Ra’d ayat 28, Allah berfirman, tafsirnya: “Orang-orang beriman dan hati-hati mereka menjadi tenang tenteram (sihat) ialah dengan mengingati Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah (sahaja) hati-hati manusia menjadi tenteram.”

Yang dimaksudkan dengan mengingati Allah disini, ialah berzikir dengan hati dan berlafaz dengan lidah. Dalam makna membanyakkan zikir dengan menyebut, seperti Subhanallah, Alhamdulillah, Allahu Akbar, berdoa, berselawat dan membaca al-Qur'an. Ini semua, menurut petunjuk ayat di atas, adalah paling berkesan untuk merawat gejala mental.²

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah mengetengahkan isu peningkatan penyakit mental sebagai satu isu yang tidak kurang merunsingkan melalui titah baginda:

²Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya ‘Aidil Adha Tahun 1442H/2022M, Sabtu, 9 Julai 2022.

Sementara itu, turut menambahkan lagi kebimbangan ialah apabila baru-baru ini, sempena menyambut Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022, telah dianggarkan, bahawa beban kesihatan mental di peringkat global adalah semakin meningkat.

Di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2021 sahaja, sebanyak 1,515 individu telah diagnosis dengan anxiety disorder dan lebih dari 900 individu didapati mengalami depressive disorder.

Menurut kajian global, pandemik COVID-19 adalah menjadi penyebab meningkatnya tahap tekanan mental sehingga mewujudkan kadar kebimbangan dan kemurungan yang tinggi, dianggarkan satu (1) dalam empat (4) individu mengalami masalah mental.

Maka Beta melihat, kedua-dua isu: Pemanasan Global dan meningkatnya penyakit mental, perlulah sama-sama diberi perhatian mendalam oleh semua pihak.

Pihak berwajib hendaklah menyediakan garis panduan dan nasihat, bagaimana cara untuk menghadapi fenomena ini dan apa cara atau terapi untuk mengelak dan mengubati penyakit mental.

Beta melihat, dua fenomena ini harus dihadapi dan ditangani seperti kita menghadapi dan menangani COVID-19, kerana semua itu adalah sama sahaja berstatus ‘musibah’. Kalau COVID-19 kita hadapi dengan SOP saintifik dan vaksin ketuhanan, mengapa terhadap dua fenomena ini tidak boleh dilakukan demikian?

Tetapi soalnya, kita memerlukan inisiatif bersama pihak-pihak yang berkenaan. Misalnya mengenai gejala mental, Beta telahpun mengikuti dan membaca dua ceramah utama oleh pihak kesihatan dan pihak ugama, di mana kedua-duanya mengemukakan pendekatan berbeza tetapi sama-sama mempunyai nilai signifikan yang boleh dijelmakan menjadi tindakan bersepadan mengenainya. Tetapi belum ada kedengaran usaha ke arah itu.

Pendekatan pihak ugama melihat, bahawa penyakit mental itu pangkalannya ialah ‘di hati’, dan penyakit hati pula menurut al-Qur'an ubatnya ialah ‘zikir’. Pendekatan ini pada hemat Beta amatlah menyuntik untuk difikirkan sebagai salah satu jenis rawatan di pusat-pusat perubatan. Pihak-pihak berkenaan Kesihatan dan Ugama sangat elok untuk menunduki perkara ini bersama-sama.³

Kesihatan mental merupakan isu penting yang semakin mendapat perhatian di peringkat global, termasuk di Negara Brunei Darussalam. Kemurungan (*depression*) dan Kecelaruan Keresahan (*anxiety disorders*) adalah antara penyakit mental yang sering dihadapi oleh masyarakat. Menurut statistik Kementerian Kesihatan, kira-kira 11,000 orang sedang menerima rawatan dalam perkhidmatan psikiatri dan perkhidmatan psikologi klinikal dan komuniti, dengan purata 118 kes baru bagi dewasa dan 127 kes baru bagi remaja dan kanak-kanak.

Masalah kesihatan mental ini juga memberi impak kepada individu dalam pelbagai peringkat kehidupan, termasuk di tempat kerja, di mana tekanan kerja yang tinggi, keletihan (*burnout*), serta kes buli turut menyumbang kepada keresahan dan kemurungan. Statistik juga menunjukkan peningkatan yang membimbangkan dalam kes bunuh diri, dengan lapan (8) kes dilaporkan pada tahun 2023.

Maka melihat kepada kepentingan isu kesihatan mental yang dihadapi oleh dunia dan juga Negara Brunei Darussalam, tema "Menangani Gejala Mental" telah dipilih sebagai fokus utama Majlis Ilmu 2024. Tema ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pemahaman, serta mendorong tindakan proaktif dalam menghadapi cabaran kesihatan mental dalam masyarakat. Dengan penekanan kepada aspek pencegahan, rawatan, dan sokongan komuniti, tema ini diharapkan dapat memberikan panduan yang berkesan untuk memperbaiki kesejahteraan mental di Negara Brunei Darussalam.

³Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya 'Aidil Adha Tahun 1444H / 2023M pada hari Rabu, 28 Jun 2023.

Sub-tema:

1. Mengenal pasti punca gejala mental.
2. Pencegahan, rawatan dan pemulihan penyakit mental.
3. Tatacara perubatan bersepadan (rawatan saintifik dan keugamaan) yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dengan pendekatan *whole-of-nation*.

Objektif:

1. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman serta kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan seharian.
2. Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai masalah kesihatan mental dan cara untuk membantu pengidap penyakit mental.
3. Mengenal pasti punca dan faktor yang boleh mempengaruhi kesihatan mental.
4. Mengenal pasti tatacara dan kaedah pencegahan gangguan mental, rawatan sepadu yang menggabungkan intervensi medikal dengan rawatan ketuhanan, dan pemulihan penyakit mental.
5. Mengukuhkan kerjasama serta penglibatan pelbagai pihak melalui pendekatan *whole-of-nation*.
6. Memacu tindakan yang menggalakkan dan membantu melindungi kesihatan mental setiap orang sebagai hak asasi manusia sejagat.

Jangkaan Dapatan:

Tema ini dijangka akan dapat menghasilkan:

1. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kesihatan mental ke arah mewujudkan individu yang sejahtera dalam keluarga dan masyarakat dan sekali gus menjadi warga yang sihat serta produktif kepada negara.
2. Mengurangkan stigma terhadap penyakit mental dan membantu dalam memberikan sokongan kepada penghidap penyakit mental.
3. Membentuk program pencegahan dan rawatan yang holistik, yang menggabungkan kaedah medikal dan ketuhanan.
4. Membantu negara merancang intervensi yang lebih efektif dalam pemulihan pesakit mental dan mencegah berulangnya penyakit mental.
5. Mengukuhkan strategi dan program yang sedia ada dengan penglibatan pelbagai pihak melalui pendekatan *whole-of-nation*.
6. Membantu memperkasa Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025.

*Aturcara-aturcara
Majlis Ilmu 2024*



ATURCARA
MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2024
RABU, 14 RABIULAWAL 1446H / 18 SEPTEMBER 2024M

- 8.00 pagi : Kehadiran Para Jemputan
- 8.30 pagi : Kehadiran Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.00 pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam beserta Kerabat Diraja
- : Lagu Kebangsaan
- : Bacaan Doa Selamat
Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan
- : Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dan Kesimpulannya
- : Sembah Alu-Aluan Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu
- : Titah Perasmian Majlis Ilmu 2024 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan diselajurkan dengan Majlis Pelancaran bagi dua buah buku bertajuk "Menyambut Hari Keputeraan Raja dengan Semangat Ilal Hijrah" dan "Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi: Buku Panduan Doa dan Zikir"
- : Sesi Ceramah Khas Majlis Ilmu 2024
Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan



- : Lagu Kebangsaan
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dijunjung berangkat untuk penandatanganan dua buah buku bertajuk "Menyambut Hari Keputeraan Raja dengan Semangat Ilal Hijrah" dan "Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi: Buku Panduan dan Zikir"
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam beserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2024
- : Penandatanganan Lembaran Kenangan
- : Santap / Jamuan ringan
- : Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam beserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis



**ATURCARA
FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2024
KHAMIS, 15 RABIULAWAL 1446H / 19 SEPTEMBER 2024M**

- 8.00 pagi : Kehadiran Para Jemputan
- 8.30 pagi : Kehadiran Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.00 pagi : Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta Kerabat Diraja
- : Bacaan Surah Al-Fatiyah
- : Sembah Alu-Aluan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2024
- : Sesi Forum Perdana
- Ahli Panel:-
- Panel 1 :** Yang Mulia Profesor Madya Dr. Mohd Shahril bin Ahmad Razimi, Dekan & Profesor Madya, Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
- Panel 2 :** Yang Mulia Ustaz Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid, Pegawai Tugas-Tugas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama
- Panel 3 :** Yang Mulia Pengiran Dr. Hajah Fariza Suryani binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Ketua Jabatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan
- Moderator :** Yang Mulia Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk, Penolong Ra'es, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
- : Bacaan Doa Selamat
- : Penandatanganan Lembaran Kenangan



- : Santap / Jamuan Ringan
- : Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Forum Perdana Majlis Ilmu 2024
- : Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis



ATURCARA
CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2024
SABTU, 17 RABIULAWAL 1446H / 21 SEPTEMBER 2024M

- 8.45 pagi : Kehadiran Para Jemputan
- 9.15 pagi : Kehadiran Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.45 pagi : Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Sembah Alu-Aluan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024
- : Sesi Ceramah Perdana
Yang Mulia Muhammad Tarmizi bin Abdul Wahid,
Ketua Pegawai Eksekutif Mizium Holdings Pte Ltd
- : Bacaan Doa Selamat
- : Penandatanganan Lembaran Kenangan
- : Santap / Jamuan Ringan
- : Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024
- : Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

*Biodata Pembentang
Kertas Perdana, Forum Perdana,
dan Ceramah Perdana*



**YANG BERHORMAT
PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO PADUKA SERI SETIA
DR. USTAZ HAJI AWANG ABDUL AZIZ BIN JUNED
MUFTI KERAJAAN**

Sebelum menjawat jawatan Mufti pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pernah menjawat beberapa jawatan, seperti: Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (tahun 1970), Penguasa Penerangan dan Tabligh (tahun 1971), Pegawai Ugama Kanan (tahun 1976), Timbalan Kadi Besar (tahun 1983), Pengarah Hal Ehwal Syar'iah (tahun 1986) dan Timbalan Mufti Kerajaan (tahun 1989).

Yang Berhormat Pehin mendapat pendidikan awal di Negara Brunei Darussalam; kemudian melanjutkan pelajaran ke Madrasah Al-Juned, Singapura pada 1955; kemudian ke Kolej Islam Malaya pada 1962 dan Al-Azhar, Mesir pada 1968.

Yang Berhormat Pehin adalah Ahli Tetap Yayasan Ali Al-Bait di Amman, Jordan dan Anggota Panel Penasihat Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) serta beberapa keahlian lain dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antaranya: Ahli Majlis Mesyuarat Diraja (sejak 17 April, 1984); Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (sejak 1978); Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam (sejak 1971); Ahli Tambahan Jawatankuasa Kehakiman (1972-1975 dan 1981-1983); Ahli Majlis Lembaga Bandaran (1987-1989); Ahli Jawatankuasa Menyesuaikan Undang-Undang Dengan Kehendak Ugama Islam (sejak 1980); Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat (sejak 1989); Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1981); Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1994); Pengerusi Jawatankuasa Mengkaji Barang-Barang Makanan Yang Diharamkan Oleh Syarak (1981-1991); Ahli Jawatankuasa Penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei (1991); Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] (tahun 1995 - Jun, 2008); Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] (1994-1998); Ahli Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei [IBB] (1993-2005) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Bank Islam Brunei [IBB] (1993-April, 2008); Ahli Majlis Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (1992-2008); Ahli Majlis Institut Pengajian Islam (sejak 1989); Ahli Jema'ah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (sejak 1992); Ahli Jawatankuasa Bagi Menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam dengan Mushaf Al-Qur'an Tulisan Tangan (1992); Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta; Ahli Lembaga

Penasihat Pusat Dakwah; Timbalan Pengerusi Lembaga Institut Tahfiz Al-Qur'an (1992-Ogos, 2005); Ahli Lembaga Institut Tahfiz Al-Quran (sejak 29 Disember, 2005); Pengerusi Lembaga Tasmie' Tertinggi Menghafaz Al-Quran (sejak 2003); Pengerusi Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (1991-1996); Ahli Majlis Pelajaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam (1999-2006 dan mulai 1hb. Mei, 2014 hingga sekarang); Ahli Jawatankuasa Penasihat Orang-Orang Tahanan (sejak tahun 80an-2005); Ahli Majlis Universiti Brunei Darussalam (sejak 1985); Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (1987-2002); Ahli Lembaga Tertinggi Syariah Yang Mengawal Perjalanan Institusi-Institusi Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam (mulai 25 Februari, 2006); Ahli Majlis Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (sejak 01 Jun 2007); Ahli Majlis Universiti Islam Sultan Syarif Ali (sejak tahun 2011); Penal Penyemak (Masyaikh) Tafsir Darussalam mulai tahun 2007 dan beberapa keahlian lain.

Yang Berhormat telah disampiri gelaran "Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib" pada 26 Mac, 1983, "Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam" pada 06 November, 1984 dan "Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja" pada 09 Mei, 1996. Yang Berhormat Pehin juga dikurniakan beberapa bintang kebesaran dan kehormatan Negara Brunei Darussalam: Bintang Kebesaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) pada tahun 1982, Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) pada tahun 1983, Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama (P.S.S.U.B) pada tahun 1984 serta Pingat-Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I), Kerja Lama (P.K.L) dan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Darjah Pertama (P.H.B.S) pada 15 Julai, 2010.

Sebagai seorang yang suka menulis, Yang Berhormat Pehin mula berkarya pada tahun 1956. Hasil-hasil tulisan Yang Berhormat Pehin kebanyakannya diterbitkan oleh penerbit dari agensi-agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di samping turut diterbitkan oleh penerbit/pencetak dari luar negara. Hasil tulisan dan karya yang dibukukan setakat ini berjumlah lebih 50 judul. Di antara buku-buku yang dihasilkan itu ialah: Panduan Menunaikan Fardhu Haji; Menghayati Islam: Ke Arah Pendidikan Akhlak Yang Sempurna; Panduan Cara-Cara Menyembahyangkan Mayat, Kejujuran Asas Kejayaan; Seruan Islam I, II, III & IV; Musuh Islam; Tetamu Allah (tahun 1987); Tetamu Allah II (tahun 1989); Tetamu Allah III Bersama Ahli Kerabat Di Raja (tahun 1993); Al-Mu'min Menjadi Tetamu Allah kali keempat dan kelima (tahun 1995) dan Islam di Brunei.

Setelah Jabatan Mufti Kerajaan ditubuhkan pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin menghasilkan pula: "Lawatan Negara: Satu Wadah Kerana Allah"; Fatwa Mufti Kerajaan (1994-1995, 1996; 1997; 1998; 1999; 2000; 2001; 2002; 2003; 2004; 2005; 2006; 2007; 2008; 2009; 2010; 2011; 2012; 2013; 2014; 2015; 2016; 2017; 2018; 2019; 2020 dan 2021); Bersama Mufti (1995-1997); Islam Dan Muzik; Buku Mushaf, Tasbih, Tongkat Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Bertabarruk Dengan Atsar-Atsar Nabi; Rokok dan Merokok; Jambatan Ke Akhirat; Tsunami Satu Itibar; Kerasukan: Merawat dan Mencegahnya; Pemedulian Pelanggan Menurut Perspektif Islam; Orang Sembahyang Ditangisi Oleh Tempat Sujudnya; Orang Berbank Kita Juga Berbank; Haji & Umrah; Berubat Dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit; Selesema Babi Kukuhkan Kebenaran Al-Qur'an; Isra' Mi'raj Satu Mu'jizat; Keramat Wali-Wali Allah; Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah Penyelamat Ummah; Hebatnya Guru; Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan; The Shari'ah Penal Code An Introduction; Bandar Seri Begawan Menagih Berkat Dari Langit dan Bumi; Gaya Hidup Sihat dan Permakanan Sihat Menurut Perspektif Islam; Manusia Mencabar Allah; Membaca Nadi Kejayaan Bangsa dan Rawatan & Kesihatan 2; Bahtera Perkahwinan, Memartabatkan Seni Bina Melayu Islam Beraja; Sayangi Ibu Bapa; Meraih Berkat Dalam Pembangunan Sains Dan Teknologi; Raja Melakar Sejarah & The King Who Shapes.



PROFESOR MADYA DR. MOHD SHAHRIL BIN AHMAD RAZIMI
Dekan & Profesor Madya
Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

E-mel : shahril1977@gmail.com

Dr. Mohd Shahril Bin Ahmad Razimi merupakan Professor Madya di Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dari segi kelulusan akademik, Dr. Mohd Shahril telah mencapai pelbagai pencapaian yang cemerlang. Pada tahun 2013, beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Pengurusan Islam oleh Asia University Malaysia. Sebelum itu, beliau telah memperoleh Sarjana Pengurusan Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2005. Di peringkat ijazah pertama, beliau telah menamatkan pengajian dalam bidang Syariah dan Undang-undang di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Mohamed V, Morocco pada tahun 2002. Pendidikan beliau yang meluas dalam kedua-dua bidang pengurusan pendidikan dan pengurusan Islam telah membentuk asas kukuh bagi sumbangannya dalam dunia akademik dan profesional.

Beliau banyak terlibat dalam pengurusan Islam seperti sebagai panel bagi rancangan MyHalal, TV al-Hijrah, Radio Television Malaysia dan sebagai *keynote speaker* dalam bidang pendidikan dan pengurusan Islam di dalam dan di luar negara. Beliau juga aktif menulis pelbagai artikel dalam pelbagai bidang yang melibatkan isu-isu kontemporari Islam. Beliau juga terlibat aktif dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan negara dengan menjadi ahli pengurusan MSOH bagi 2 penggal (2020-2022) dan (2022-2024). Beliau juga merupakan ahli aktif dalam Ahli Majlis Dakwah Negara, Ahli Panel Penilai *Malaysian Qualification Agency*, Panel Teknikal Syariah bagi Standard ISO dan MS bagi Pengurusan kualiti dari perspektif Syariah SIRIM QAS International Sdn Bhd.



USTAZ AWANG MUHAMMAD YUSSOF BIN HAJI ABDUL MAJID
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II,
Unit Kaunseling Dan Kefahaman Agama,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

E-mel : yussof.majid@mora.gov.bn / 24hr1043@ubd.edu.bn

Awang Muhammad Yussof Haji Majid kini sedang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Pengajian Islam di Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam. Penyelidikannya memfokuskan kepada psikologi agama, psikologi sosial dan budaya, serta sains tingkah laku yang berkaitan dengan radikalisme dan keganasan.

Sebelum ini, beliau memperolehi Ijazah Sarjana dalam Psikologi Organisasi dan Perniagaan dari Aston University, Birmingham, United Kingdom pada tahun 2013. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Kemanusiaan (Psikologi dan Pengajian Islam) dari International Islamic University Malaysia pada tahun 2012. Pada tahun 2021, beliau juga mengikuti Sijil Kursus Intensif Para Imam Pendakwah dan Pengkaji Fatwa di Akademi Antarabangsa Al-Azhar, Universiti Al-Azhar, Mesir. Selain itu, Awang Muhammad Yussof turut mempunyai latar belakang dalam bidang kejuruteraan dengan *Higher National Diploma* dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Brunei pada tahun 2006.

Dalam kapasiti profesional, beliau telah dilantik sebagai pembentang dalam Jerayawara Kesihatan Mental di Tempat Kerja, yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, serta dalam Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental untuk Pemimpin Masyarakat di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Awang Muhammad Yussof memainkan peranan penting dalam Program Al-Wa'yu, sebuah inisiatif yang bertujuan menangani pemikiran ekstremis dan radikal melalui intervensi pendidikan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan. Beliau juga telah turut membangunkan Program Al-Is'aad, sebuah program intervensi selama 12 bulan yang direka untuk memulihkan dan memberi motivasi kepada residen di penjara.

Sebagai pendakwah muda, beliau terlibat aktif dalam menyebarkan kesedaran mengenai kesihatan mental dan gaya hidup positif, terutamanya dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam dan sering dijemput sebagai penceramah dalam pelbagai acara keagamaan, kesihatan mental, dan motivasi, termasuk di masjid, sekolah, serta agensi kerajaan dan swasta. Begitu juga dijemput sebagai pembentang kertas kerja dan penceramah utama di seminar-seminar tempatan dan di peringkat serantau.

Di peringkat antarabangsa, Awang Muhammad Yussof telah menyertai beberapa program kepimpinan, termasuk *Singapore-Brunei Young Leadership Exchange Programmes* (SBYLEP) ke-5 dan ke-7 serta Program Pemimpin Muda (Youth Leadership Programme - YLP) di Singapura. Beliau juga aktif sebagai mentor dalam *Brunei Young Leaders Convention* (BYLC) dan telah berperanan sebagai panelis dalam forum seperti "High Quality of Life: Mindset and Values" pada tahun 2021 dan "High Quality of Life, Poverty, Empowerment and Youth Participation" pada tahun 2023.



**PENGIRAN DR. HAJAH FARIZA SURYANI BINTI
PENGIRAN DATO PADUKA HAJI SANI**
Ketua Jabatan Psikiatri
Perkhidmatan Psikiatri, Hospital RIPAS
Kementerian Kesihatan

E-mel : fariza.sani@moh.gov.bn

Pengiran Dr. Hajah Fariza memperolehi kelayakan perubatan dari University of Nottingham, England dan memulakan perkhidmatan beliau dengan Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam pada 2004. Beliau meneruskan latihan kepakaran dengan the *Royal Australian and New Zealand College of Psychiatrists* dari 2006 dan telah bertugas di pelbagai bidang Psikiatri di beberapa buah hospital di South Australia, Australia. Beliau memperolehi *Fellowship of the Royal Australian and New Zealand College of Psychiatrists* pada 2017.

Pengiran Dr. Hajah Fariza sekarang memegang pelbagai peranan klinikal, pentadbiran, kepimpinan dan pendidikan di Kementerian Kesihatan. Beliau memegang jawatan Pemangku Pakar Bersekutu di Perkhidmatan Psikiatri, Hospital RIPAS dan telah dilantik sebagai Ketua Jabatan dan sebagai *Chief* Perkhidmatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan sejak September 2023. Beliau kerap mengambil bahagian dalam bengkel dan persidangan tempatan, serantau dan antarabangsa, termasuk yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan ASEAN. Beliau juga memegang jawatan sebagai Penyelia Pendidikan kepada doktor-doktor yang telah memasuki program latihan Pakar Asas Psikiatri di Negara Brunei Darussalam.

Secara klinikal, Pengiran Dr. Hajah Fariza berkelayakan dalam bidang generalis, tetapi mempunyai minat khusus dalam bidang kesihatan mental dikalangan warga emas dan bidang Psikoterapi. Beliau gemar menyampaikan taklimat mengenai kesihatan mental, dan sering dijemput untuk sesi pengajaran formal, kempen kesedaran awam dan wawancara melalui pelbagai platform media.

ARTIKEL YANG DITERBITKAN (PUBLISHED ARTICLES)

1. “The prevalence and risk factors of self-reported common mental disorders amongst doctors and dentists during the first wave of the Covid-19 pandemic in Brunei Darussalam”. Hilda Ho, Fariza Sani, Najib Naibi. Brunei International Medical Journal, 2021, vol.17, pp.124-133.
2. “Recurrent Clozapine and Lorazepam withdrawal psychosis with catatonia”. Bob Z Wang, Arun Gupta, Tarun Bastiampillai, Fariza Sani. Australian & New Zealand Journal of Psychiatry, 2012, vol. 46, 8: pp. 795-796.



DR. HAJI MOHD SHAHROL AZMI BIN HAJI ABD MULUK
Penolong Ra'es Hal Ehwal Pelajar dan
Alumni Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

E-mel : Azmi.muluk@kupu-sb.edu.bn

Setelah menamatkan pengajian peringkat (Ph.D) dalam bidang Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), pada tahun 2022, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pensyarah di Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB. Sepanjang berkhidmat di KUPU SB, beliau telah diberikan amanah untuk menjalankan beberapa tugas utama di KUPU SB antaranya pernah dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pusat Ilmu Teras pada tahun 2017. Pada tahun 2018, beliau dilantik sebagai Penolong Ketua Penerbitan di Pusat Penerbitan KUPU SB, manakala pada tahun 2019, 2020 dan 2022, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath. Seterusnya beliau juga pernah dilantik sebagai Pengarah di Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB pada tahun 2020 (Mac hingga Jun 2020). Beliau pernah dilantik sebagai Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUPU SB bermula pada tahun 2022 hingga 2024. Kini beliau telah dilantik menjalankan tugas sementara sebagai Penolong Ra'es Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, KUPU SB.

Beliau juga mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengajian Islam) dari Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2017 dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan (Syariah) dari KUPU SB pada tahun 2012.

Bidang pengkhususan beliau ialah dalam bidang Pendidikan Ugama, Pengajian Islam, Jawi, Syariah dan Pengajian Melayu Islam Beraja. Berdasarkan bidang pengkhususan tersebut, beliau pernah dilantik sebagai Ahli jawatankuasa Pakar Rujuk Jawi Negara Brunei Darussalam, pakar motivasi pelajar-pelajar dari pelbagai peringkat pendidikan bermula peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah ugama dan peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT). Dilantik sebagai ahli jawatankuasa penilai kurikulum pendidikan persekolah ugama dan dilantik sebagai pakar rujuk pengubalan kurikulum Melayu Islam Beraja peringkat IPT dan Menengah. Menjadi fasilitator dalam menyampaikan kuliah-kuliah berkaitan MIB di bawah kelolaan Majlis Tertinggi MIB.



MUHAMMAD TARMIZI BIN ABDUL WAHID
Ketua Pegawai Eksekutif
Mizium Holdings Pte Ltd

E-mel : miziwahid@gmail.com

Ustaz Muhammad Tarmizi bin Abdul Wahid, atau lebih dikenali dengan gelaran Ustaz Mizi Wahid, merupakan seorang usahawan, penulis buku, dan pelatih motivasi untuk badan-badan korporasi, pertubuhan non-profit, dan badan pemerintah dalam isu-isu pekerja, kepimpinan dan kesihatan mental.

Beliau merupakan kelulusan Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir pada tahun 2006 dalam bidang Syariah Islamiah dan pernah bertugas di Pejabat Mufti Singapura selama 2 tahun sebelum memulakan syarikatnya sendiri, Safinah Institute yang kini berusia 15 tahun.

Kini beliau memegang beberapa jawatan seperti Presiden di Persatuan Ulama' dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (PERGAS), Ahli Lembaga bagi Association of Muslim Professionals (AMP), Founder and CEO of Safinah Holdings Pte Ltd, Ahli Lembaga Dewan Perniagaan dan Perdagangan Melayu Singapura (DPPMS) dan merupakan Anggota Bersekutu, Majlis Fatwa Singapura, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Beliau juga merupakan penulis bagi 5 buah buku, yang terjual melebihi 150,000 naskah.

*Sinopsis Pameran
Majlis Ilmu 2024*

Sinopsis Pameran Majlis Ilmu 2024

Tema: Menangani Gejala Mental

Pameran Majlis Ilmu 2024, dengan tema “Menangani Gejala Mental,” bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan sehari-hari. Pameran ini disusun dalam lima zon utama yang memberikan gambaran tentang aspek kesihatan mental dari perbagai perspektif.

Zon 1: Pengunjung akan diperkenalkan kepada konsep kesihatan mental melalui perspektif Islam dan sains, memberikan pemahaman asas tentang kepentingan menjaga kesejahteraan mental dari sudut agama dan saintifik.


Zon 2: Terowong Kehidupan menayangkan video yang memaparkan gejala mental. Selain itu, maklumat tambahan, termasuk statistik dan data tentang kesihatan mental, turut dikongsikan, merangkumi pelbagai peringkat kehidupan dari sebelum kelahiran hingga persaraan. “Click-to-Learn” disediakan sebagai bahan maklumat tambahan yang menerangkan gejala-gejala mental yang lain.

Zon 3 & 4: Pengunjung akan didedahkan kepada rawatan bersepadu yang disediakan oleh agensi kerajaan dan swasta. Zon-zon ini juga menampilkan aktiviti kesedaran mental, serta penerangan tentang akta dan dasar yang berkaitan. Video mengenai rawatan bersepadu turut ditayangkan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang pendekatan menyeluruh dalam menangani isu mental.

Zon 5: Sudut “Coffee-and-Chat” disediakan untuk pengunjung bertemu dengan pihak-pihak yang menawarkan pembarigaan maklumat, khidmat nasihat, serta jualan dan pemasaran produk yang berkaitan dengan kesihatan mental.

Di penghujung pameran, pengunjung dialu-alukan untuk mengisi *survey* sebagai refleksi dan penilaian terhadap pengalaman di sepanjang pameran. Pameran ini bukan sahaja bertujuan untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga untuk menggalakkan pengunjung mengambil tindakan dalam memperbaiki kesejahteraan mental mereka dan komuniti sekeliling.

PELAN SUSUN ATUR PAMERAN MAJLIS ILMU 2024




*Gambar-gambar ristaan
Majlis Ilmu 2023*

مَجْلِسِ الْعِلْمِ

ماجlis ilmu 2023

Sempena Kéberangkatan
Pada Majlis Perasmian Majlis Imu 2023



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



سُبُوتْ قَرَائِمْ هَارِيْ كَشْتَامْ
كَبَاوَهْ دُولِيْ يَقْمَهَا مَلِيَا فَادِكْ سَرِيْ بَكْنَدَاسْطَانْ
دانْ يَعْدَفْ رَوَانْ نَكَارَبُونِيْ دَارِالسَّلَامْ كَ-٧٧ تَاهُونْ

Khamis, 9 Jamadilawal 1445H bersamaan 23 November 2023M

مَاجِلِسِ الْعِلْمِ

ماجlis ilmu 2023

Sempena Kéberangkatan
Pada Majlis Perasmian Majlis Imu 2023



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri
Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha
Pengiran Anak Haji Mohamed Alam



سُبُوتْ قَرَائِمْ هَارِيْ كَشْتَامْ
كَبَاوَهْ دُولِيْ يَقْمَهَا مَلِيَا فَادِكْ سَرِيْ بَكْنَدَاسْطَانْ
دانْ يَعْدَفْ رَوَانْ نَكَارَبُونِيْ دَارِالسَّلَامْ كَ-٧٧ تَاهُونْ

Khamis, 9 Jamadilawal 1445H bersamaan 23 November 2023M





سلطان دان يعده قرآن نکارا برunei دارالسلام لـ ٢٧ تاہون



















*Gambar-gambar ristaan
Forum Perdana
Majlis Ilmu 2023*











*Gambar-gambar ristaan
Ceramah Perdana
Majlis Ilmu 2023*











*Senarai Ahli
Jawatankuasa Pandu
Majlis Ilmu 2024*



Penasihat Bersama :

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris
bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar
Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara

Yang Berhormat
Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz
Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Pengerusi Bersama :

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin
bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Berhormat
Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar
Menteri Kesihatan

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan dan Ekonomi II

Yang Berhormat
Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Menteri Pendidikan

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

TIMBALAN PENGERUSI BERSAMA

Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah
Timbalan Menteri (Tenaga)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti
Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia

Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia
Awang Ajman bin Haji Meludin
Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin
Setiausaha Tetap
Kementerian Kesihatan

Yang Mulia
Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia
Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari
Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan)
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

AHLI-AHLI

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman
bin Haji Ibrahim
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin
Timbalan Mufti Kerajaan
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dato Paduka Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar
Dato Seri Paduka Haji Md Salleh
Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia
Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib
Setiausaha Tetap (Tenaga)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dr. Haji Azman bin Ahmad
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin
Setiausaha Tetap (Kebeliaan)
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia
Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Prof. Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Dr. Hazri bin Haji Kifle
Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman
Naib Canselor, Universiti Teknologi Brunei
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra
Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali
Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad
Timbalan Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional)
Kementerian Kesihatan

Yang Mulia
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan)
Kementerian Kesihatan

Yang Mulia
Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim
Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia
Dr. Chin Wei Keh
Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman
Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan)
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

URUSETIA BERSAMA

Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Kementerian Kesihatan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Kementerian Pendidikan
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

